



## Kesilapan Pengungkapan Perkataan yang Berasal dari Bahasa Arab di kalangan Pensyarah: Satu Renungan

*Mohd Zaki Abdul Latiff*

### ABSTRAK

*Penggunaan perkataan yang berasal dari bahasa Arab dalam bahasa Melayu cukup meluas pada hari ini. Kecenderungan ini telah menyebabkan banyak berlakunya kesilapan dari aspek pengungkapan perkataan tersebut seperti perkataan 'hadhari' telah disebut dengan 'had-hari' dan 'misyar' telah disebut dengan 'mishar'. Kertas kerja ini akan menghuraikan dengan lebih lanjut beberapa perkataan yang selalu digunakan seharian dari segi fonetik bahasa Arab sebagai panduan agar tidak berlaku kesilapan dalam mengungkapkan perkataan tersebut terutamanya bagi penutur yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab.*

**Kata kunci:** Bahasa Arab, kesilapan, fonetik

### Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan satu bahasa cukup sinonim penggunaannya dengan bangsa Melayu Islam. Pengaruh bahasa Arab dalam kehidupan bangsa ini amat besar sekali bermula dari tangisan pertama kelahiran sehinggalah kepada tangisan kematian. Ini adalah disebabkan oleh pengaruh Islam yang datang berteraskan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya. Contoh yang paling hampir ialah penggunaan nama-nama seseorang yang berasal daripada bahasa Arab, ungkapan harian seperti salam dan sebagainya, istilah-istilah berasal dari bahasa Arab yang diguna pakai dalam bahasa seharian, bacaan-bacaan dalam upacara ibadat dan sebagainya. Namun begitu, terdapat kelalaian dan kecuaihan dalam mengungkapkannya yang menyebabkan sebutannya tidak tepat dan boleh membawa kepada makna yang berbeza.

Mempelajari ilmu fonologi adalah suatu yang amat perlu bagi menguasai sebutan sesuatu perkataan itu dengan tepat. Fonologi ialah suatu bidang yang mengkaji sistem bunyi sesuatu bahasa: iaitu rumus-rumus yang menentukan aspek sebutan (Frank 1986).

### Bahasa Arab di Malaysia

Agama Islam telah tersebar di Semenanjung Tanah Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ia dibawa oleh pendakwah-pendakwah Arab yang datang berdagang. Seiring dengan kemasukan Islam ke Tanah Melayu, bahasa Arab telah dipelajari dan dikuasai oleh segelintir penduduk setempat di samping kebanyakan orang Islam mempelajari al-Quran dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya seperti muqaddam, hadis, tafsir al-Quran, feqah, tauhid dan sebagainya. Pembelajaran ilmu-ilmu ini telah mendedahkan mereka dengan bahasa dan tulisan Arab. Tidak hairanlah meluasnya penggunaan perkataan Arab dalam bahasa Melayu sehingga mencapai 30% dengan beberapa penyesuaian dan sedikit perubahan untuk disesuaikan dengan bahasa tempatan.

Orang Melayu telah biasa dengan perkataan dan tulisan Arab. Perkataan yang berasal dari bahasa Arab seperti kerusi, maktabah, masjid, musolla, nama-nama hari dan sebagainya telah sebatih penggunaannya dalam bahasa Melayu. Bahasa Arab juga telah menyumbangkan kepada orang Melayu satu bentuk tulisan yang digunakan dalam penulisan iaitu tulisan jawi. Tulisan ini menjadi tulisan rasmi kerajaan sehinggalah kedatangan penjajah Inggeris yang telah menukarkannya kepada tulisan latin. Namun, perbendaharaan kata Arab dan tulisan jawi kekal dan terus digunakan sehingga kini.

Menurut Amran (1976) terdapat sebanyak 859 perkataan Melayu yang berasal daripada perkataan Arab. Menurut beliau lagi antara faktor yang menyebabkan berlakunya penggunaan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu ialah:

- Kedatangan Islam serta tersebarnya ajaran Islam di daerah Nusantara menyebabkan istilah-istilah serta perkataan yang bercorak agama yang berasal daripada bahasa Arab mula dipinjamkan oleh bahasa Melayu
- Pemergian bilangan penutut Melayu ke negara-negara Arab di Timur Tengah untuk menyambung serta mendalami ilmu pengetahuan agama Islam. Sekembalinya mereka ke tanah air, mereka menyumbangkan ilmu kepada masyarakat. Oleh kerana mereka dididik di tengah-tengah masyarakat Arab, sudah tentu mereka meminjam istilah serta perkataan Arab dalam pertuturan serta penulisan mereka.
- Sementara itu, pertembungan antara masyarakat Melayu dengan para peniaga Arab yang bertindak pada waktu yang sama sebagai pendakwah, juga memberi kesan kepada penyerapan beberapa perkataan Arab dalam perbendaharaan kata Melayu.

## Kepentingan Mempelajari Bahasa Arab

Pengetahuan asas dalam bahasa Arab adalah penting kepada sesiapa yang ingin menuturkan ungkapan-ungkapan yang berasal dari bahasa Arab agar tidak berlakunya kesilapan ketika menyebutkan perkataan tersebut. Mempelajari bahasa Arab amatlah penting kerana bahasa ini mempunyai banyak keistimewaan. Menurut Osman (1994:50-54), bahasa Arab mempunyai banyak keistimewaan yang menonjol, antaranya termasuklah:

- bahasa yang kuat dan ringkas,
- mempunyai bahasa i<sup>o</sup>rab, iaitu bahasa yang berlaku perubahan tanda baris di akhir perkataan yang membawa perubahan makna,
- bahasa yang menerima ishtiqaq, iaitu dapat dipecah serta dibentuk menjadi beberapa perkataan pecahan atau sampingan daripada satu perkataan dasar,
- bahasa yang dapat ditukar ganti kedudukan hurufnya dari pangkal ke tengah dan ke hujung serta ekornya yang membawa perubahan kepada pengertian,
- bahasa yang dapat dicantumkan antara dua perkataan dan menjadikan lebih ringkas dan kemas sebutannya,
- kaya dengan pengertian, iaitu pengertian yang lebih seni dan dalam, di sebalik pengertian yang lahir, selain kaya dengan perkataan seerti,
- bahasa yang kaya dengan unsur kata-kata hikmah dan mampu mencerna pengertian yang mendalam.

Bagi seorang muslim di Malaysia, bahasa Arab bukanlah sesuatu yang asing. Sejak lahir mereka telah mendengar lafaz azan yang sememangnya bahasa Arab. Dalam kehidupan seharian mereka menggunakan bahasa Arab iaitu ketika berwuduk, azan, iqamat, solat dan berdoa.

Malah tiga perlima daripada rukun Islam adalah dalam bahasa Arab. Umat Islam mengucap dua kalimah syahadah, bersolat dan menunaikan haji menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Umpamanya dalam solat lima waktu mereka bertutur dalam bahasa Arab. Tanpa bacaan al-Fatihah, solat tidak sah.

Begitu juga al-Quran yang menjadi pedoman hidup orang Islam juga dalam bahasa Arab. Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. lebih 1,400 tahun lalu dan sehingga kini ia tidak pernah berubah walaupun satu huruf, apatah lagi perkataan atau ayat. Walaupun begitu, ia masih boleh difahami berbanding teks dalam bahasa lain yang sudah ditelan zaman.

Walaupun al-Quran diterjemahkan dalam berbagai-bagai bahasa di dunia ini, namun ia tidak akan dapat menyaingi teks yang asal. Malah ada ketikanya terjemahan yang digunakan bukan sahaja tidak tepat, malah berbeza dengan kehendak yang asal.

## Bentuk - Bentuk Kesilapan

Gangguan bahasa yang berlaku pada penutur dwibahasa disebabkan oleh wujudnya perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran. Tarigan (1988:16) menyimpulkan bahawa gangguan bahasa ialah penggunaan sistem bahasa pertama dalam bahasa kedua sedangkan sistem tersebut tidak sama dengan bahasa kedua.

Dalam pemerolehan sistem bunyi bahasa Arab sebagai bahasa kedua, pertembungan sistem bunyi bahasa ibunda dengan sistem bunyi bahasa kedua merupakan suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Pertembungan ini yang menghasilkan beberapa gangguan yang menjadikannya suatu kesilapan dalam pengungkapan bahasa tersebut. Ini berlaku disebabkan oleh wujudnya hubungan berikut.

- terdapat sebutan dalam bahasa Arab yang serupa dengan sebutan bahasa Melayu dari segi daerah sebutan atau cara menyebutnya,
- terdapat sebutan dalam bahasa Arab yang hampir sama dengan sebutan dalam bahasa Melayu. Kedua-duanya hanya berbeza dari segi cara menyebutnya,
- terdapat sebutan dalam bahasa Arab yang berlainan sama sekali sebutannya daripada sebutan dalam bahasa Melayu.

Mengikut pemerhatian penulis, kesilapan-kesilapan yang sering berlaku adalah seperti berikut:

- Penukaran huruf (tha) ث kepada huruf s

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
البيع بثمن آجل عثمان	Istilah perbankan Islam Nama orang	Bi thaman <sup>c</sup> Uthman	Bisaman Usman/Osman

Huruf ث pada banyak terdapat dalam bahasa Melayu yang dipinjam dari perkataan bahasa Arab seperti perkataan Isnin dan Selasa yang berasal dari perkataan ث. Namun ia telah ditukarkan kepada huruf, الثلاثاء dan الإثنين.

b) Penukaran huruf ('ha) ح kepada huruf h

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
حضاري	Ketamadunan	Hadariyy	Hadari
إحياء	Menghidupkan	Ihya`	Ihya`

Seringkali berlaku kesilapan ketika mengungkapkan perkataan yang mempunyai huruf ح kerana ia memerlukan sedikit kesungguhan untuk menyebutkannya. Hal yang sama juga berlaku kepada contoh penukaran huruf-huruf berikutnya.

Konsonan ح ialah bunyi frikatif kerongkong tidak bersuara yang terhasil apabila bahagian tengah kerongkong atau halkum dirapatkan untuk menghasilkan sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan terbuka, manakala langit lembut dan anak tekak dirapatkan ke dinding tekak untuk menghalang udara daripada keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara geseran melalui sempitan di bahagian tengah kerongkong dengan tidak menggetarkan pita suara untuk menghasilkan bunyi geseran kerongkong tidak bersuara.

Manakala konsonan h ialah bunyi frikatif glotis bersuara yang terhasil apabila suara dibuka atau diregangkan untuk menghasilkan sempitan di bahagian glotis, manakala langit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan ke dinding tekak untuk menghalang udara daripada keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara geseran melalui sempitan glotis. Pita suara bergetar untuk menghasilkan bunyi geseran glotis bersuara (Mohd Azidan, 2000).

c) Penukaran huruf ('kha) خ kepada huruf k

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
خالد	Yang kekal	Khalid	Kalid
خميس	Hari Khamis	Khamis	Kamis
خولة	Sejenis madu	Khawlatt	Kaulah
خيمة	Khemah	Khaymatt	Kemah

Perkataan-perkataan di atas telah pun dibezakan huruf di antara خ (kh) dan k, namun ramai penutur Melayu tidak memberi perhatian ketika mengungkapkannya semasa menggunakannya seharian.

d) Penukaran huruf (sad) ص kepada huruf s

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
صلاة	Sembahyang	Salatt	Solat
صلاة الرحيم	Silaturrahim	Sillatt al-rahm	Silaturrahim
صالح	Nama orang	Salih	Salih

Konsonan ص dan s ialah bunyi frikatif alveolar tidak bersuara yang terhasil apabila hujung lidah dirapatkan ke bahagian gusi untuk menghasilkan sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan terbuka, manakala langit lembut dan anak tekak dirapatkan ke dinding tekak untuk menghalang udara daripada keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara geseran melalui sempitan di bahagian gusi dengan tidak menggetarkan pita suara untuk menghasilkan bunyi geseran gusi tidak bersuara. Penutur tidak dapat menyebut konsonan ص secara itbaq (lidah dirapatkan ke langit) kerana ciri tersebut tidak ada pada bunyi s (Mohd Azidan 2000).

e) Penukaran huruf (dad) ض kepada huruf d

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
حضاري	Ketamadunan	Hadariyy	Hadari
روضة	Taman	Raudatt	Raudah
رياضة	Rekreasi	Riyadatt	Riadah
رمضان	Bulan Ramadhan	Ramadan	Ramadan

Konsonan ض dan d ialah bunyi plosif alveolar bersuara yang terhasil apabila hujung lidah dirapatkan ke bahagian gusi untuk menghasilkan sekatan penuh pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan tertutup, manakala langit lembut dan anak tekak dirapatkan ke dinding tekak untuk menghalang udara daripada keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar ke rongga mulut dengan menggetarkan pita suara sebelum tersekat sepenuhnya di bahagian gusi. Seterusnya udara dilepaskan dengan serta merta untuk menghasilkan letupan gusi bersuara.

Penutur tidak dapat menyebut konsonan ض secara itbaq kerana ciri tersebut tidak terdapat pada bunyi huruf d (Mohd Azidan 2000).

f) Penukaran huruf ط (huruf ta') kepada huruf t

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
طالبان	Pejuang Taliban	Taliban	Taliban

Walaupun perkataan طالبان ini pada asalnya bukan berasal dari perkataan bahasa Arab, tetapi ia menggunakan huruf ط yang merupakan huruf Arab, jadi cara penyebutannya mestilah bertepatan dengan sifat huruf itu sendiri.

Konsonan ط dan t ialah bunyi plosif alveolar tidak bersuara. Bunyi ini terhasil apabila hujung lidah dirapatkan ke bahagian gusi untuk menghasilkan sekatan penuh pada aliran udara. Pita suara diregangkan, manakala langit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan ke dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar ke rongga mulut dengan menggetarkan pita suara sebelum tersekat sepenuhnya di bahagian gusi. Seterusnya udara dilepaskan dengan serta merta untuk menghasilkan letupan gusi tidak bersuara. Penutur tidak dapat menyebut konsonan ط secara itbaq kerana ciri tersebut tidak terdapat pada huruf t (Mohd Azidan 2000).

g) Penukaran huruf ظ (za') kepada huruf z

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
ظهر	Waktu zuhur	Zuhr	Zuhur
ظاهر	Zahir	Zahir	Zahir

Konsonan ظ ialah bunyi frikatif dental bersuara yang terhasil apabila hujung lidah dirapatkan ke bahagian gusi atas untuk menghasilkan sempitan pada aliran suara. Pita suara berada dalam keadaan tertutup, manakala langit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan ke dinding tekak untuk menghalang udara daripada keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara geseran melalui sempitan di bahagian gigi dengan menggetarkan pita suara untuk menghasilkan bunyi geseran gigi bersuara.

Konsonan z pula ialah bunyi frikatif alveolar bersuara yang terhasil apabila hujung lidah dirapatkan ke bahagian gusi untuk menghasilkan sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan tertutup, manakala langit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan ke dinding tekak untuk menghalang udara daripada keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara geseran melalui sempitan di bahagian gusi dengan menggetarkan pita suara untuk menghasilkan bunyi geseran gusi bersuara. Penutur tidak dapat menyebut konsonan ظ kerana ciri tersebut tidak terdapat pada bunyi z (Mohd Azidan 2000).

Walaupun kedua-dua perkataan dalam contoh di atas sudah digunapakai secara meluas di dalam bahasa Melayu, namun penyebutannya adalah lebih baik jika disebut mengikut cara sebutannya yang asal di dalam bahasa Arab.

## h) Penukaran huruf ع ('ayn) kepada [ ʔ ]

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
الوديعة	Bentuk akaun simpanan	Al-wadi'ah	Al-wadiah
شريعة	Syariah	Shari'ah	Syariah
القاعدة	Kumpulan Pejuang	Al-Qa'idatt	Al-Qaidah/al-Kaidah

Konsonan ع ialah bunyi frikatif kerongkong bersuara yang terhasil apabila bahagian tengah kerongkong atau hulkum dirapatkan untuk menghasilkan sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan tertutup, manakala langit lembut dan anak tekak dirapatkan ke dinding tekak untuk menghalang udara daripada keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara geseran melalui sempitan di bahagian tengah kerongkong dengan menggetarkan pita suara untuk menghasilkan bunyi geseran kerongkong tidak bersuara.

Konsonan [ ʔ ] pula ialah bunyi hentian glotis yang berlaku apabila pita suara dirapatkan dengan serapat yang mungkin, manakala langit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan ke dinding tekak untuk menghalang udara daripada keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar dan tersekat serta terhenti di bahagian glotis tanpa dilepaskan untuk menghasilkan bunyi hentian glotis (Mohd Azidan 2000).

## i) Penukaran huruf غ ('ghayn) kepada huruf g

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
عبد الغفار	Hamba Allah Yang Maha	°Abd al- Ghaffar	Abdul Gapar
مغرب	Sembahyang Maghrib	Maghrib	Magrib

## j) Penukaran huruf شمسيةال kepada قمريةال

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
الشافعي	Imam Syafie	Al-Shafi 'yy	Al- Syafie

Perkataan ini sering kita dengar apabila lagu "Ku Cari Damai Abadi" dikumandangkan di radio ataupun televisyen. Untuk menuturkannya, huruf ل perlu dimasukkan ke dalam huruf ش di mana huruf ل tadi tidak disebut ketika mengungkapkan perkataan itu.

## k) Pemanjangan dan penyisipan huruf vokal

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
السلام عليكم	Selamat sejahtera ke atas	Al-Salam °alaikum	Assalamualaikum
جمال الدين	Kecantikan agama	Jamal al-Din	Jamaluddin

Dalam bahasa Melayu, terdapat dua fenomena fonologi yang melibatkan segmen vokal, iaitu pemanjangan dan penyisipan vokal. Kedua-dua proses ini tidak mendapat pertimbangan yang saksama dalam konteks pengkajian fonologi bahasa Melayu. Para penahu lebih berminat kepada penyisipan vokal (Yeoh 1988; Teoh 1994; Zaharani 1994) berbanding dengan pemanjangan vokal.

Dalam bahasa Arab, panjang pendek vokal ini dapat membezakan makna perkataan.

## l) Penukaran satu huruf kepada dua huruf

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
حضاري	Ketamadunan	Hadariyy	Had hari

Kesilapan pengungkapan perkataan حضاري ini juga seringkali berlaku ketika istilah ini mula diperkenalkan kepada umum.

m) Penukaran dua huruf kepada satu huruf

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
مسيار	Perkahwinan Misyar	Misyar	Mishar

Kesilapan pengungkapan perkataan مسيار ini juga seringkali berlaku ketika istilah ini mula diperkenalkan kepada umum kerana ia terlalu asing bagi penutur Melayu yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab yang kuat.

n) Penukaran huruf tebal kepada nipis

Contoh Perkataan	Makna	Transliterasi	Kesilapan
عبد الله	Hamba Allah	°Abd Allah	Abdulah

Perkataan ini sepatutnya diungkapkan dengan menebalkan huruf ل pada perkataan الله dan sepatutnya tidak berlaku kesilapan di sini kerana ia adalah perkataan asa bagi setiap muslim. Huruf ل perlu ditebalkan sebutannya apabila huruf sebelumnya berbaris atas atau hadapan dinipiskan apabila huruf sebelumnya berbaris bawah.

## Punca Kesilapan

Kesilapan dalam mengungkapkan perkataan-perkataan yang berasal daripada bahasa Arab adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah:

- huruf-huruf yang membina perkataan tersebut tidak terdapat dalam bahasa Melayu umpamanya huruf ط , ح , غ , ع , خ dan sebagainya. Justeru penutur Melayu yang tidak menyedari akan wujudnya huruf itu dalam sesuatu perkataan akan menukarkannya dengan huruf yang biasa digunakan serta berhampiran dengan bunyinya,
- tidak mempunyai asas yang kuat dalam bahasa Arab sehinggakan tidak dapat menuturkannya dengan tepat,
- tiada kesungguhan dalam menyebut perkataan yang mengandungi huruf-huruf tersebut sehingga menukarkan huruf tersebut kepada huruf yang mudah disebut. Sesetengah perkataan seperti 'Ghaffar' dan 'Khalid' sudah dibezakan penulisannya dengan sebutan Gafar dan Kalid, namun penutur Melayu masih tidak mampu menuturkan kerana kurangnya kesungguhan untuk menuturkannya dengan sebutan yang tepat,
- pengaruh media yang banyak mengambil cara sebutan perkataan bahasa Arab itu, dari bahasa Inggeris umpamanya yang menyebabkan penutur bahasa Melayu tidak dapat meniru cara sebutan yang asal.

## Cadangan untuk Penyelesaian

Sebagai bangsa yang terlalu hampir dengan bahasa Arab walaupun berasal dari rumpun bahasa yang berbeza, faktor agama yang banyak menjadikan bahasa Arab ini sebagai darah daging dalam kehidupan seharian, beberapa cadangan diusulkan supaya masalah kesilapan dalam mengungkapkan perkataan yang berasal dari bahasa Arab dapat di atasi, antaranya ialah dengan:-

- mempelajari asas-asas bahasa Arab untuk kegunaan seharian terutama sekali yang berkaitan dengan ibadat,
- selalu bertanya kepada penutur bahasa Melayu yang mempunyai pengetahuan tentang bahasa Arab agar dapat menghindari dari melakukan kesilapan dalam pengungkapan perkataan-perkataan tersebut,
- sentiasa membuat latihan sebutan terhadap huruf-huruf bahasa Arab yang tidak terdapat di dalam bahasa Melayu,
- menukarkan bentuk penulisan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab kepada bentuk transliterasi supaya penutur Melayu dapat membezakan antara huruf-huruf seperti ح dengan ه dan sebagainya.

e) menyertakan sekali bentuk tulisan asal Arab bagi setiap istilah baru yang diperkenalkan kepada umum untuk mengelakkan daripada tersilapan mengungkapkan perkataan tersebut.

## Penutup

Untuk menguasai sesuatu bahasa kedua itu bukanlah suatu perkara yang mudah. Ia amat memerlukan kepada kesungguhan, disiplin dan masa yang perlu diluangkan untuk menguasai bahasa tersebut. Begitu juga halnya dengan mempelajari bahasa Arab, walaupun sekadar untuk memperbetulkan sebutan, namun ia tetap memerlukan kepada kesungguhan dan disiplin yang tinggi bagi memastikan sebutan itu bertepatan dengan kaedah bahasa Arab itu sendiri. Peluang dan ruang untuk memperbaiki kelemahan tersebut tetap ada. Bak kata pepatah “hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih”. Dengan menguasai sebutan perkataan dalam bahasa Arab secara tidak langsung akan memberi kekuatan dalam meningkatkan kualiti bacaan Al-Quran seharian kerana Al-Quran dan bahasa Arab ibarat isi dengan kuku, irama dan lagu yang sama sekali tidak dapat dipisahkan. Orang yang mahir dalam sebutan bahasa Arab akan menjadi mahir dalam pembacaan Al-Quran dan begitulah sebaliknya. Semoga kertas ini membuka minda agar dapat berusaha ke arah mengungkapkan perkataan yang berasal dari bahasa Arab dengan cara yang betul dan tepat.

## Rujukan

- Amran bin Kasimin. (1976). *Arabic Word in The Malay Vocabulary*. Tesis M.A. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Parker, F. (1986). *Linguistics For Non-Linguists*, First Edition. Massachusetts
- Mohd. Azidan Abdul Jabar. (2000). “Gangguan Sebutan Bahasa Melayu dalam Pemerolehan Sistem Bunyi Bahasa Arab” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44:12 Disember, hlm 1349-1359
- Osman Hj. Khalid 1994. “Pengaruh Bahasa Arab dalam Memperteguh dan Memperkaya Bahasa Melayu: Suatu Pengalaman” dlm. *Persuratan Islam* (Penyelenggara Muhammad Bukhari Lubis). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*. 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tarigan, H.G. (1988). *Pengajaran Analisis Kesalahan Berbahasa*. Bandung: Penerbitan Angkasa.
- Teoh Boon Seong. (1994). *The Sound Sytem of Malay Revisted*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yeoh Chiang Kee. (1988). “Kajian Semula tentang Morfem Dasar Penanda Aktif dalam Bahasa Melayu” dlm. Farid M.Onn (ed). *Bunga Rampai Fonologi Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Fajar bakti.
- Zaharani Ahmad. (1994). “Epenthesis schwa dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Fonologi Non-linear” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 38: 8 Ogos, hlm.676-689.